



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK**  
**MEMPERTINGKATKAN PERSIMPANGAN-**  
**PERSIMPANGAN JALAN UNTUK MENGURANGKAN**  
**KESESAKAN LALU LINTAS DI LEBUH RAYA**  
**SULTAN ISKANDAR, JALAN TUN RAZAK, JALAN**  
**TUN ISMAIL, JALAN IPOH DAN JALAN-JALAN**  
**SEKITAR KUALA LUMPUR**

**29 JULAI 2024**

**GELANGGANG BOLA KERANJANG**  
**SMK MAXWELL, KUALA LUMPUR**



## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini menyaksikan satu lagi detik bersejarah yang akan memberi manfaat kepada warga kota Kuala Lumpur.

## **IMPLIKASI KESESAKAN LALU LINTAS DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN WARGA KOTA**

Para hadirin sekalian,

2. Semua tahu bahawa sejak sekian lama, kesesakan lalu lintas adalah merupakan isu utama yang mempengaruhi kehidupan seharian warga kota, seiring dengan perkembangan pembangunan fizikal di ibu kota.
  
3. Ada satu kajian yang dilaksanakan oleh seorang pensyarah kanan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun lalu yang mendapati, purata bagi seorang penduduk di Lembah Klang menghabiskan masa dalam kesesakan lalu lintas adalah sekurang-kurangnya satu hingga dua jam sehari bersamaan dengan 44 jam sebulan atau lebih 500 jam setahun.

4. Hal yang sedemikian secara tidak langsung tentunya akan menjejaskan produktiviti seseorang individu di tempat kerja.
  
5. Ini jika diterjemahkan dalam bentuk angka ekonomi, seorang individu bergaji RM 2,500.00 sebulan dengan jumlah jam bekerja selama 8 jam sehari dan 22 hari sebulan, kehilangan produktiviti seseorang individu di jalan raya dianggarkan berjumlah RM 555.72 sebulan.

6. Ini baru kiraan untuk seorang individu. Bayangkan, DBKL merekodkan purata kira-kira 1.7 juta kenderaan masuk ke Kuala Lumpur pada waktu puncak setiap hari dan purata kira-kira 6 juta kenderaan berada di ibu negara pada setiap hari, sudah semestinya purata produktiviti yang dibazirkan adalah begitu besar sekali.

7. Kesyakan juga boleh memberikan kesan negatif kepada kesihatan mental dan fizikal individu dengan masa yang panjang dihabiskan dalam kesesyakan trafik tersebut. Ia juga boleh meningkatkan risiko masalah kesihatan diri seperti tekanan darah tinggi dan penyakit jantung. Selain itu, pencemaran udara akibat pelepasan karbon yang tinggi di kawasan yang sesak turut boleh menjejaskan kualiti udara dan kesihatan pernafasan.

8. Sudah pasti, semua indikator dan permasalahan ini menjadi fokus dan diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan MADANI dan dibincangkan khusus di dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan dan Kesesakan Jalan Raya yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri agar penyelesaian yang lebih holistik diambil dengan mengenalpasti punca sebenar kesesakan di ibu kota.



## **PERSIMPANGAN BERTINGKAT ATASI KESESAKAN DARI LOS F KE LOS C**

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

9. Lebuhraya Sultan Iskandar, Jalan Tun Razak, Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh dan jalan-jalan sekitar ini telah kita kenal pasti sebagai kawasan 'KL Congestion Hot Spot' yang sering mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk.

10. Sehubungan itu, pada hari ini kita akan lancarkan projek mempertingkatkan persimpangan bertingkat untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan ini pada waktu puncak dari tahap kapasiti Level of Service F kepada Level of Service C.

**Nota Tambahan:**

<b>LOS F</b>	Jalan raya sesak terlalu teruk, sehinggakan memerlukan bantuan polis trafik untuk “memaksa” aliran trafik untuk bergerak. Kelajuan pemanduan sangat rendah dan menghampiri sifar. Keadaan jalan yang terlalu sesak itu turut menyebabkan jalan lain yang dihubungkan dengannya turut sesak.
<b>LOS C</b>	Bilangan kenderaan sederhana banyak. Pemandu masih lagi berupaya memandu paling laju pun pada had laju reka bentuk, tetapi bilangan kenderaan yang semakin bertambah semakin mengehadkan keupayaan untuk memandu laju. Tahap C merupakan kapasiti jalan raya yang paling optimum serta dijadikan unjuran trafik sasaran bagi pengendali lebuh raya ekspres.

11. Saya difahamkan, projek ini melibatkan penambahan satu lorong sepanjang 1.4 kilometer bagi kedua-dua arah; pelebaran lima struktur jambatan yang merentasi pelbagai lokasi strategik seperti landasan kereta api KTMB, Jalan Kuching, Sungai Batu, serta jejambat merentasi Jalan Sultan Azlan Shah; dan pembinaan dinding penahan di tepi tebing Sungai Batu dan jalan menuju ke jambatan Jalan Kuching selain kerja-kerja lain yang berkaitan bagi menyokong pembinaan ini.

12. Projek ini juga akan mengurangkan masalah *traffic weaving* atau persilangan trafik, iaitu situasi di mana kenderaan terpaksa bertukar lorong dalam jarak yang pendek untuk masuk atau keluar dari jalan utama. Situasi ini sering menyebabkan kekeliruan dan melambatkan pergerakan kenderaan, seterusnya menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.
  
13. Untuk keseluruhan projek ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 75 juta melalui Rolling Plan 4 Tahun 2019 Rancangan Malaysia ke-11.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

14. Secara keseluruhannya, manfaat-manfaat yang dijangka daripada projek ini akan memberikan impak yang positif kepada kualiti hidup penduduk di Kuala Lumpur.
  
15. Dengan siapnya projek ini, pengguna jalan raya akan dapat menikmati perjalanan yang lebih selesa dan efisien. Ini seterusnya akan menyumbang kepada kesejahteraan dan produktiviti masyarakat serta menyokong pertumbuhan ekonomi bandar raya Kuala Lumpur.

16. Namun, untuk memastikan tahap keberkesanan penambahbaikan jalan ini berbanding sebelum ini, saya minta agar pihak DBKL untuk mengadakan *survey* pandangan awam untuk menilai sama ada penambahbaikan ini memberi kesan yang positif kepada pengguna atau sebaliknya, selaras dengan konsep *participatory* yang kita amalkan di Wilayah Persekutuan.

17. Manakala, ke arah Belanjawan DBKL 2025, saya mahukan pihak DBKL juga untuk turut mendapatkan pandangan awam dengan melaksanakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh terhadap perkara yang perlu ditambah baik terhadap projek-projek mendatang khususnya di Kuala Lumpur, termasuk pandangan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di ibu kota ini.

18. Untuk itu, dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Projek Mempertingkatkan Persimpangan Bertingkat di Lebuh Raya Sultan Iskandar.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.